

Kompetensi Keusahawanan Sebagai Mediator Kesiediaan Penerapan Elemen Keusahawanan dalam Kalangan Pensyarah Institut Pendidikan Guru (IPG)

(Entrepreneurship Competency as a Readiness Mediator in the Implementation of Entrepreneurship Elements Among Lecturers of Teacher Institute)

ROSMANI ALI* & NOR AISHAH BUANG

ABSTRAK

Transformasi pendidikan negara yang sangat dinamik memerlukan tuntutan kesediaan para pengajar untuk menjalankan tugas dengan berkesan. Justeru kajian tinjauan ini bertujuan mengenal pasti tahap kompetensi keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) terhadap kesediaan penerapan elemen keusahawanan. Di samping itu, kajian ini juga dijalankan untuk mengukur peranan kompetensi keusahawanan sebagai mediator dalam hubungan antara sikap keusahawanan dalaman dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Kaedah pengumpulan data menggunakan borang soal selidik yang dilaksanakan terhadap 220 orang responden yang terdiri daripada pensyarah IPG Kampus Zon Timur. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS dan Amos. Keputusan analisis menunjukkan tahap kompetensi keusahawanan yang dikaji dalam kalangan pensyarah IPG adalah sederhana. Manakala analisis Structural Equation Modelling (SEM) menunjukkan bahawa kompetensi keusahawanan memberi kesan yang signifikan dan bertindak sebagai mediator separa (partial mediation) antara sikap keusahawanan dalaman pensyarah IPG dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan pensyarah IPG. Secara keseluruhannya kajian ini memberikan jawapan alternatif bagaimana kompetensi keusahawanan yang terdapat dalam kalangan pensyarah IPG mampu menentukan kesediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan mereka.

Kata kunci: Kompetensi keusahawanan, elemen keusahawanan, institut pendidikan guru, IPG

ABSTRACT

The highly dynamic national education transformation demands teachers to be ready to carry out their duties effectively. Therefore, this survey study is aimed at identifying the level of entrepreneurship competence among lecturers of the Malaysian Teachers Institute (IPG) on the readiness of applying entrepreneurial elements. In addition, this study was also conducted to measure the role of entrepreneurial competence as a mediator in the relationship between internal entrepreneurial attitudes and the readiness of applying the entrepreneurial element of IPG lecturer. A questionnaire was administered to 220 respondents consisting of IPG lecturers of East Zone Campus to collect the data. The data were analysed using the SPSS and Amos. The results of the analysis showed that the level of entrepreneurship competencies among the lecturers of IPG was moderate. Structural Equation Modelling (SEM) analysis shows that entrepreneurial competence has a significant effect and acts as partial mediation between the internal entrepreneurial attitude and the willingness to apply entrepreneurship elements among lecturers of IPG. Overall, this study provides alternative answers on how entrepreneurship competencies among IPG lecturers are able to determine the readiness of applying entrepreneurial elements among themselves.

Keywords: Entrepreneurship competency, entrepreneurship elements, teachers institute

PENDAHULUAN

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas dan tanggungjawab. Boyatzis (2008) mentakrifkan kompetensi sebagai “competence, proficiency, skillful and skill”. Manakala Kementerian Pengajian Tinggi (2010) menjelaskan, kompetensi yang melibatkan proses pengajaran termasuklah perkara yang berkaitan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam

mata pelajaran, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti.

Kajian-kajian yang lepas telah membuktikan bahawa kompetensi yang dimiliki oleh seseorang individu mempunyai hubungan dengan kesediaan mereka untuk melakukan sesuatu tugas (Barjoyai 2000; Boyatzis 1982 & 2008). Seseorang yang mampu mengenal pasti peluang dapat mewujudkan kesediaan dalam diri berdasarkan keupayaan untuk menjana idea dan bertindak

ke arah merealisasikan idea tersebut. Sifat kompetensi yang dimiliki di peringkat individu ini akhirnya dapat menyumbang kepada tingkah laku yang dihasilkan. Justeru dengan memiliki kompetensi keusahawanan membolehkan seseorang individu melakukan sesuatu tugas secara positif dalam memperbaiki sesuatu keadaan dalam organisasi. Menekankan aspek berkenaan, gabungan pendidikan teras berserta ilmu keusahawanan diharap dapat menggalakkan para pelajar ke arah menghasilkan output secara praktikal untuk keperluan dan kehendak kehidupan. Justeru kajian ini dilakukan bertujuan mengenal pasti peranan kompetensi keusahawanan sebagai mediator dalam hubungan antara sikap keusahawanan dalaman pensyarah IPG dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemahiran pendidikan di abad ke-21 kini memerlukan para pengajar berupaya melahirkan generasi yang kaya maklumat, memiliki kekuatan minda yang kreatif dan inovatif, mempunyai nilai-nilai luhur dan murni, semangat jati diri, mengamalkan pembudayaan keusahawanan dan keterampilan (IPGM 2014; Boyatzis 2008; Bunker 2012). Kemahiran sebegini perlu dikuasai oleh para pengajar dengan sebaiknya agar pelaksanaan dapat memberi kesan yang terbaik. Menurut McClelland (1985), usahawan-usahawan berjaya lazimnya mempunyai daya inisiatif yang tinggi kerana dengannya, usahawan tersebut mempunyai kecenderungan untuk melihat dan menganalisis sesuatu situasi atau keadaan dengan cekap. Hasil daripada sikap tanpa menunggu diarahkan atau dipaksa melakukan sesuatu untuk kejayaan sendiri, individu yang berinisiatif dapat melihat perkara-perkara yang perlu dilakukan melalui intuisi dan imajinasinya. Sikap ini membawa diri individu tersebut selangkah lebih maju daripada orang lain. Dengan daya inisiatif, seseorang itu akan mencari peluang tanpa mengharapkan peluang tersebut datang bergolek. Oleh itu, untuk mempertingkatkan daya inisiatif, seseorang itu perlu menjadi penggerak dan menanamkan sikap atau tabiat memulakan usaha-usaha dan tindakan-tindakan walaupun dalam bidang yang belum pernah diterokai atau belum ada jejak-jejak yang boleh ditiru atau diikuti (Ab. Aziz 2009; Fayolle & Kyro 2008; Hussein 2012).

Di samping itu, McClelland (1985) juga menjelaskan individu yang menitikberatkan kecekapan diri atau organisasinya akan mencuba sedaya upaya menggunakan maklumat-maklumat atau kaedah-kaedah pengurusan yang baik untuk membetulkan tahap kecekapan organisasi keseluruhannya. Individu yang berorientasikan kecekapan akan menggunakan maklumat yang diperoleh untuk memperbaiki tahap kecekapan mereka. Mereka akan sentiasa melaksanakan tugas dengan membuat perancangan yang baik dan sistematik (McClelland 1985; Haziah et al. 2013). Mereka akan mengenal pasti cabaran yang akan dihadapi dan aktiviti-aktiviti yang perlu bagi menangani cabaran berkenaan secara sistematik dan

berkesan. Sifat sebegini boleh meningkatkan prestasi dan pencapaian matlamat organisasi.

Individu yang memiliki kompetensi keusahawanan yang berjaya tidak mengambil risiko tanpa menganggarkannya terlebih dahulu. Mereka adalah pengurus risiko yang baik (Antoncic & Hisrich 2003; Norasmah et al. 2012; Noraishah 2013; Barnett et al 2013). Dalam situasi pendidikan hari ini dengan ketidakpastian kadar perubahan yang dinamik, seseorang pensyarah perlu belajar menghadapi risiko dan memastikan bahawa risiko yang diambil adalah munasabah dan berpatutan dengan ganjaran yang diterima. Penerokaan baharu dalam mengenal pasti peluang persekitaran menyumbang kepada penciptaan berterusan yang dapat mencorakkan kemajuan masa hadapan. Kompetensi yang dimiliki oleh pensyarah akan menghasilkan minda yang kreatif dalam mencipta sesuatu yang baharu dan menyelesaikan masalah secara logikal. Kebolehan menyesuaikan diri terhadap perubahan persekitaran pendidikan kini adalah satu ciri kecekapan individu yang cemerlang (Antoncic 2001; Fullan 2011). Dalam dunia sekarang yang sentiasa berubah, kebolehan bertindak dengan cara yang fleksibel memerlukan satu daya kompetensi yang tinggi.

Pengkaji terdahulu merumuskan bahawa mereka yang berjaya perlu bersedia untuk berdikari, mempunyai keyakinan diri, mempunyai keazaman dan tabah, berorientasikan matlamat, mempunyai keinginan untuk mencapai kejayaan, kreatif dan cepat bertindak terhadap peluang yang ada (Syed Ismail & Ahmad 2011; Mohd Sani & Mohd Nizam 2012; Armenakis & Harris 2002). Dunia pendidikan sekarang yang penuh cabaran memerlukan para pensyarah bersikap yakin terhadap kemampuan diri untuk membuat keputusan atau menyahut sesuatu cabaran. Mereka perlu berpendirian teguh dalam segala keputusan yang diambil dan perkara yang dilakukan. Untuk meningkatkan keyakinan diri, para pensyarah perlu mengikis perasaan takut akan kegagalan, sebaliknya perlu sentiasa komited terhadap tanggungjawab yang digalas.

Tuntutan kehidupan abad ke-21 memerlukan reaksi pantas manusia untuk berubah mengikut keadaan dan situasi agar tidak ketinggalan (Zahri 2014; Czerniawski 2011). Mereka diharapkan mempunyai kemampuan untuk mendukung pentadbiran kepimpinan negara dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran. Justeru, pensyarah di IPG yang merupakan tenaga pengajar sebagai *educator* kepada bakal guru perlu menerapkan kompetensi dan amalan kesediaan supaya guru pelatih menjalankan tugas dan amanah dengan berkesan apabila mereka berkhidmat di sekolah. Ia sejajar dengan pernyataan Bandura (2000) bahawa sebahagian besar manusia belajar melalui pengamatan secara selektif dan mengingat tingkah laku orang lain berdasarkan model yang merupakan salah satu langkah utama dalam proses pembelajaran yang terkesan. Implementasi pembudayaan keusahawanan seharusnya dapat membina ciri-ciri insan yang mempunyai jati diri dan kompeten ke arah kehidupan sebenar yang mampu bersaing

menghadapi cabaran dan sentiasa boleh bersedia dengan perubahan. Pengkaji terdahulu menjelaskan individu yang mempunyai sikap dan semangat keusahawanan akan sentiasa mempunyai kompetensi ingin berjaya dan berusaha bersungguh-sungguh dalam segala bidang yang diceburi (Armanurah 2014; Nor Aishah 2013; Norasmah et al. 2012; Antoncic 2001). Justeru penulis mempunyai keyakinan bahawa perlu wujud platform yang mempengaruhi kesiediaan pensyarah IPG menerapkan elemen keusahawanan iaitu mediator yang dimainkan oleh pemboleh ubah kompetensi keusahawanan yang dimiliki oleh pensyarah IPG.

DEFINISI KONSEP

KOMPETENSI KEUSAHAWANAN SEBAGAI MEDIATOR

Menurut Boyatzis (1982) kompetensi merujuk kepada kualiti yang dimiliki oleh seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas. Seseorang individu dikatakan mempunyai kompetensi yang baik apabila dapat menghasilkan sesuatu tugas dengan cemerlang. Manakala kompetensi keusahawanan diterjemahkan sebagai penggabung jalinan antara elemen-elemen tingkah laku, perwatakan, ciri-ciri peribadi, pengetahuan, peranan sosial, hasrat dan kemahiran seseorang yang mendasari tindakannya dalam meneroka, membina dan mengembangkan sesuatu usaha (Haziah et al. 2013). Ia juga ditakrifkan sebagai kebolehan mengintegrasikan aktiviti-aktiviti merancang, memimpin, menggunakan teknik terkini, mengurus waktu dan menyesuaikan diri dengan perubahan semasa ke arah melipatgandakan keuntungan (Barnet et al. 2013).

Baron dan Kenny (1986) menjelaskan bahawa mediator merupakan pemboleh ubah yang menerangkan proses bagi satu-satu hubungan. Dalam konteks penulisan ini, kompetensi keusahawanan dilihat sebagai mediator yang merupakan pemboleh ubah pengantara bagi menjelaskan proses antara hubungan antara sikap keusahawanan dalaman dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan pensyarah IPG.

SIKAP KEUSAHAWANAN DALAMAN

Keusahawanan dalaman (Intrapreneur), adalah satu istilah yang diilhamkan oleh MacRae (1982) dan dibangunkan oleh Pinchot (1985) dalam Antoncic & Hisrich (2003). Menurut Pinchot, 'Intrapreneur' adalah "pemimpi yang dilakukan," iaitu orang-orang yang mengambil tanggungjawab untuk mewujudkan inovasi dalam apa jua bentuk dalam sesebuah organisasi. Inovasi adalah pengenalan sesuatu yang baru, merangkumi idea, proses, produk atau kaedah. Secara umumnya keusahawanan dalaman menjelaskan tentang bagaimana individu itu dapat mengenal pasti dan memburu peluang-peluang yang wujud berdasarkan ciri-ciri dalaman yang dimiliki. Ahli-ahli dalam organisasi menyumbang idea-idea pembaharuan secara berterusan, inovatif, dapat mempertimbangkan risiko, mencipta konsep-konsep baru

serta memburu peluang-peluang baru melangkaui tugas dan peranan rutin mereka (Antoncic & Hisrich 2003).

Walau bagaimanapun, keusahawanan dalaman menurut Nor Aishah (2013) merupakan satu proses di mana individu mengintegrasikan keusahawanan dalam profesionnya. Manakala Ab. Aziz dan Zakaria (2004) menjelaskan bahawa sikap merupakan gabungan antara fikiran dan perasaan terhadap diri sendiri, orang lain, sistem, peralatan, idea-idea dan buah fikiran yang mempengaruhi tindakan yang diambil oleh seseorang.

KESEDIAAN

Kesiediaan menurut Norashidah et al. (2009) merujuk kepada; (1) keadaan individu berkemahiran; (2) berkebolehan untuk melakukan sesuatu tanpa usaha yang ketara (3) menunjukkan kemahuan atau kesanggupan untuk melakukan sesuatu; (4) keadaan yang telah disediakan sebelumnya. Rosnani & Norazli (2011) menyatakan persediaan untuk mencapai sesuatu objektif melibatkan perubahan sikap, peningkatan kemahuan dan kemahiran. Mohd Izham dan Noraini (2007) juga menjelaskan tahap kesiediaan boleh dilihat dari aspek sejauh mana perlengkapan pensyarah dari segi pengetahuan dan sikap terhadap sesuatu ilmu. Faktor kesiediaan sangat membantu dalam mewujudkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan lebih aktif, mudah, seronok dan berkesan. Manakala Norasmah et al. (2012) mentafsirkan kesiediaan sebagai kesanggupan dan keupayaan seseorang untuk melakukan sesuatu; ia juga merujuk kepada persekitaran individu atau institusi untuk melaksanakan sesuatu tugas yang akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah tinjauan. Pensampelan terdiri daripada 220 orang pensyarah IPG Zon Timur yang melibatkan tiga buah IPG di negeri Terengganu, Kelantan dan Pahang. Bagi data kompetensi keusahawanan, maklumat kajian ini diperolehi melalui soal selidik yang diadaptasi daripada instrumen kompetensi keusahawanan yang diadaptasikan daripada 'Test for Personnel Entrepreneurial Competencies' oleh McBer & Co (1985). Soal selidik ini telah diterjemahkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Majlis Keusahawanan Mahasiswa Universiti-Universiti Malaysia (MAKMUM) dan Universiti Awam (KPT 2010). Walau bagaimanapun, soal selidik bahagian ini telah diolah dan diubah suai semula mengikut keperluan kajian berdasarkan ujian EFA dan persetujuan pakar. Sementara itu, data sikap keusahawanan dalaman dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG dikumpul menggunakan soal selidik yang dibina sendiri oleh pengkaji berdasarkan Model Keusahawanan dalaman oleh Antoncic dan Hisrich (2003), temu bual panel pakar dan tinjauan literatur.

Kajian rintis juga telah dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian. Seramai 133 orang pensyarah IPG yang tidak terlibat dengan kajian sebenar telah dipilih dalam kajian rintis. Keputusan ujian berdasarkan Hair et al. (2010) menunjukkan semua konstruk yang dikaji dalam instrumen kajian mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu sikap keusahawanan dalaman ($\alpha = 0.93$), kompetensi keusahawanan ($\alpha = 0.94$) dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan ($\alpha = 0.91$). Manakala seramai lapan orang pakar yang terdiri daripada pensyarah IPG dan IPTA yang berpengalaman dan pakar dalam bidang kajian juga telah memberi maklum balas mereka tentang kepentingan, kesesuaian dan ketepatan isi kandungan serta kejelasan maksud setiap item dalam instrumen kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah statistik deskriptif SPSS dan SEM-AMOS untuk menganalisis data. Rumusan kandungan borang soal selidik adalah seperti Jadual 1.

JADUAL 1. Instrumen soal selidik

Bahagian	Konstruk yang Diukur	Bilangan Item
Bahagian A:	Maklumat Demografi	11
Bahagian B:	Sikap keusahawanan dalaman (Intrapreneur)	22
Bahagian C:	Kompetensi Keusahawanan	30
Bahagian D:	Kesediaan Penerapan Elemen Keusahawanan	15
Jumlah Item Keseluruhan		78

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

PROFIL RESPONDEN

Analisis statistik berbentuk frekuensi dan peratus digunakan bagi menerangkan profil responden. Keseluruhan maklumat demografi responden kajian adalah seperti Jadual 2. Berdasarkan Jadual 2, responden yang dikaji adalah seramai 65.5 peratus pensyarah lelaki dan 34.5 peratus adalah pensyarah perempuan. Dari segi umur, kategori responden yang paling ramai terdiri daripada pensyarah yang berumur antara 46 hingga 55 tahun (62.7%), manakala kumpulan yang paling sedikit ialah pensyarah yang berumur di bawah 35 tahun (1.4%). Selebihnya adalah pensyarah di dalam kategori antara 36 hingga 45 tahun (22.7%) dan kategori umur lebih daripada

JADUAL 2. Taburan demografi responden

Pemboleh Ubah	Kekerapan	Peratusan
Jantina:		
Lelaki	144	65.5
Perempuan		
Umur:		
Kurang 35 tahun	3	1.4
36 – 45 tahun	50	22.7
46 – 55 tahun	138	62.7
Lebih 55 tahun	29	13.2
Pengalaman:		
Kurang 9 tahun	116	52.7
10 – 19 tahun	64	29.1
20 – 29 tahun	34	15.5
Lebih 29 tahun	6	2.7
Jumlah	220	100.0

55 tahun (13.2%). Berdasarkan dapatan berkaitan profil umur responden, lebih separuh (62.7%) daripada responden adalah berumur lebih antara 46 hingga 55 tahun dan ini menunjukkan majoriti pensyarah adalah terdiri daripada mereka yang dianggap mempunyai pengalaman dan berkemahiran di dalam bidang tugas mereka.

FUNGSI KOMPETENSI KEUSAHAWANAN SEBAGAI MEDIATOR

Model mediator menghipotesiskan bahawa pemboleh ubah bebas mengakibatkan pemboleh ubah mediator yang seterusnya mengakibatkan pemboleh ubah bersandar. Mediator berfungsi untuk menjelaskan keadaan hubungan antara variabel bebas dengan variabel bersandar (Hayes 2009). Bagi tujuan untuk mengkaji sejauh mana kompetensi keusahawanan yang dimiliki pensyarah IPG berfungsi sebagai mediator dalam hubungan antara sikap keusahawanan dalaman dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG, pengkaji telah menggunakan prosedur analisis mediator seperti yang dicadangkan oleh Hayes (2009), Hair et al. (2010) dan Zainuddin (2015).

Untuk menjawab hipotesis kajian iaitu kompetensi keusahawanan pensyarah IPG berperanan sebagai mediator dalam hubungan antara sikap keusahawanan dalaman pensyarah IPG dengan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG, ujian regrasi berganda dijalankan bagi melihat pengaruh mediator kompetensi keusahawanan dalam hubungan antara sikap keusahawanan

JADUAL 3. Keputusan ujian regrasi


			Estimate	S.E.	C.R.	P	Keputusan
KOMPETEN	<---	SIKAP	.409	.070	5.845	***	Signifikan
KESEDIAAN	<---	KOMPETEN	.256	.072	3.555	***	Signifikan
KESEDIAAN	<---	SIKAP	.246	.070	3.520	***	Signifikan

dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG (Jadual 3). Keputusan ujian menunjukkan hubungan positif dan signifikan antara sikap keusahawanan dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Hipotesis diterima.

Bagi melihat kesan pengaruh langsung dan tidak langsung, ujian pengesahan Bootstrapping dilakukan. Ujian Bootstrapping mendapati bahawa kompetensi keusahawanan yang dimiliki oleh pensyarah IPG telah berperanan sebagai pemboleh ubah mediator dalam hubungan antara sikap keusahawanan dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Pengaruh mediator tersebut dilihat sebagai mediator separa (Jadual 4) dan Rajah 1.


JADUAL 4. Analisis pengaruh mediator kompetensi keusahawanan ke atas hubungan sikap keusahawanan dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG

	Kesan Tidak Langsung	Kesan Langsung
Keputusan Bootstrapping	.091	.214
P-Value Bootstrapping	.001	.002
Keputusan Jenis Mediator	Signifikan	Signifikan
	Mediator Separata (Partial Mediation)	



RAJAH 1. Hubungan antara pemboleh ubah


Berdasarkan ujian regresi, sikap keusahawanan dalam, kompetensi keusahawanan dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG adalah signifikan. Hair et al. (2010) dan Zainuddin (2015) mencadangkan untuk mengesahkan mediator, kesan tidak langsung mesti lebih besar daripada kesan langsung. Berdasarkan kajian, ujian bootstrapping menunjukkan nilai kesan tidak langsung adalah 0.1428 (0.42 x 0.34), manakala kesan langsung adalah 0.34. Sekiranya kesan langsung adalah lebih kecil daripada kesan langsung, maka mediator tidak wujud. Oleh itu kajian ini perlu menilai anggaran beta dengan membandingkan model dengan dan tanpa mediator (Rajah 2 dan Rajah 3).



RAJAH 2. Hubungan sikap keusahawanan dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan tanpa mediator (kompetensi keusahawanan)

Rajah 2 menunjukkan bahawa hubungan antara sikap keusahawanan dalam dan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG tanpa mediator iaitu kompetensi keusahawanan. Dalam kes ini, anggaran beta untuk laluan ini adalah 0.48.

Berdasarkan keputusan ini, anggaran beta di antara sikap keusahawanan dalam dengan kesiediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG tanpa kehadiran mediator adalah 0.48. Setelah pengantara dari kompetensi keusahawanan wujud dalam model terdapat hubungan



RAJAH 3. Hubungan sikap keusahawanan dalaman dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG dengan mediator (kompetensi keusahawanan)

antara pemboleh ubah yang dikaji dan nilai anggaran beta berkurang kepada 0.34. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa mediator separa berlaku dalam model ini (Hayes 2009; Hair et al. 2010; Zainuddin 2015) iaitu kompetensi keusahawanan bukan satu-satunya mediator yang wujud dalam hubungan ini.

Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa kompetensi keusahawanan yang dimiliki oleh pensyarah IPG merupakan salah satu mediator (mediator separa) terhadap hubungan antara sikap keusahawanan dalaman dan kesediaan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Keputusan ini menunjukkan bahawa pensyarah IPG mempunyai kompetensi keusahawanan dan sikap keusahawanan dalaman untuk kesediaan mereka menerapkan elemen keusahawanan sebagai salah satu unsur kemahiran insaniah ke arah pembentukan guru pelatih yang mempunyai perwatakan pendidik modal insan bertaraf dunia. Pensyarah IPG mempunyai sikap keusahawanan dalaman dari aspek keberanian mengambil risiko, kreatif, berinovasi, komitmen terhadap perubahan persekitaran dan mempunyai keinginan untuk cemerlang. Di samping itu, aspek kompetensi keusahawanan yang dimiliki pensyarah IPG dari segi inisiatif, melihat dan merebut peluang, menitik berat mutu kerja yang tinggi, berorientasikan ke arah kecekapan, ketegasan dan kemampuan untuk meyakinkan orang lain.

Pemilikan sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan dalam kalangan pensyarah IPG berjaya menghasilkan satu pembentukan personaliti keusahawanan sebagai penguahan sendiri dalam persekitaran sosial yang

dapat diaplikasikan sebagai kesediaan penerapan elemen berkenaan terhadap para pelajar. Kualiti personaliti sebegini penting dalam mendepani pembaharuan yang sering kali digambarkan dengan percanggahan daripada amalan yang sedia ada. Dapatan kajian ini bertepatan dengan kajian terdahulu oleh Sufean Hussin (2004) turut menyatakan bahawa sekiranya sesuatu perubahan baru diterima oleh individu dan sentiasa diberi penegasan sebagai panduan amalan hidup dan tidak menimbulkan konflik, maka perubahan tersebut dapat menembusi sistem nilai sendiri yang sedia ada dan boleh menjadi sebahagian daripada elemen personaliti. Di samping itu, kajian Zahri (2014) dan Czerniawski (2011) turut menjelaskan jika perubahan baru dan melibatkan sebilangan kecil organisasi secara relatifnya lebih mudah untuk dilaksanakan berbanding perubahan yang melibatkan sebilangan besar atau keseluruhan organisasi. Pembelajaran nilai, peradaban, etika dan pembinaan sikap positif merupakan fokus baharu dalam perubahan pendidikan terkini.

Selain itu, kajian ini juga sependapat dengan Fullan (2011) yang menegaskan, perubahan pendidikan yang signifikan hanya berlaku apabila wujud proses peningkatan personel dalam konteks sosial. Oleh itu, dengan kewujudan kompetensi keusahawanan dalam kalangan pensyarah, untuk menjayakan sesuatu perubahan pensyarah IPG sebagai agen pelaksana perlu diberi kefahaman dan latihan yang mencukupi. Dengan memiliki elemen keusahawanan seperti sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan membolehkan pensyarah IPG meningkatkan kesediaan penerapan elemen berkenaan melalui pendekatan

terkini dan berasaskan bantuan teknologi maklumat. Individu yang mempunyai sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan yang cemerlang umumnya cenderung untuk bertindak ke arah menggunakan imaginasi dan gerak hati dengan mengambil risiko yang sederhana. Individu yang sebegini juga cenderung untuk mencari kepuasan hasil daripada penyelesaian tugas yang cemerlang. Malahan mereka juga mampu untuk mengubah persekitaran dengan mengambil inisiatif dan menganalisis situasi dan mewujudkan rancangan untuk bertindak (Barnett et al. 2013; Antoncic & Hisrich 2003; Hall & Hold 2011; Nor Aishah 2013).

Kajian ini memberi sumbangan bermakna terhadap literatur elemen keusahawanan terutamanya dalam konteks institusi latihan pendidikan di Malaysia memandangkan kajian tentang keusahawanan di IPG masih tidak banyak dijalankan. Kajian ini juga memberi pendedahan dan penjelasan tentang fungsi kompetensi keusahawanan sebagai salah satu mediator untuk kesiapan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Namun kajian ini hanya melibatkan konstruk keusahawanan dalaman, kompetensi keusahawanan dan kesiapan penerapan elemen keusahawanan. Bagi konstruk sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan masih terdapat sub-konstruk lain yang belum dikaji. Dicadangkan untuk kajian akan datang dilaksanakan kajian terhadap sub-konstruk lain dari aspek sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan. Juga dicadangkan agar pengkaji seterusnya melebar luaskan reka bentuk kajian kepada kualitatif atau gabungan metodologi kualitatif dan kuantitatif. Hal ini dapat memberi lebih banyak maklumat dan dapat membuat satu generalisasi yang lebih tepat tentang kesiapan penerapan elemen keusahawanan dalam kalangan pensyarah di IPG.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi sumbangan bermakna terhadap literatur elemen keusahawanan terutamanya dalam konteks institusi latihan pendidikan di Malaysia memandangkan kajian tentang keusahawanan di IPG masih tidak banyak dijalankan. Kajian ini juga memberi pendedahan dan penjelasan tentang fungsi kompetensi keusahawanan sebagai salah satu mediator untuk kesiapan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Implikasi kajian menyokong kepentingan sikap keusahawanan dalaman dan kompetensi keusahawanan dalam memberi kesan terhadap kesiapan penerapan elemen keusahawanan pensyarah IPG. Justeru langkah-langkah sewajarnya seperti menjadikan model struktur cadangan ini sebagai panduan dan rujukan oleh pihak pengurusan IPG dalam melaksanakan pendekatan dan amalan penerapan elemen kemahiran insaniah yang bersesuaian bagi memantapkan sumber manusia ke arah pembangunan modal insan berkualiti dan bertaraf dunia.

RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof. 2009. *Pendidikan Keusahawanan dalam Konteks Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Aziz Yusof & Zakaria Yusof. 2004. *Prinsip Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Prentice Hall.
- Antoncic B. 2001. Organizational processes in intrapreneurial: A conceptual intergration. *Journal of Enterprising Culture* 9(2): 221-235.
- Antoncic, B. & Hisrich, R. D. 2003. Clarifying the intrapreneurship concept. *Journal of Small Business & Enterprise Development*: 7-24.
- Armanurah Mohmad. 2014. Penilaian Pelaksanaan Program Siswaniaga Universiti Utara Malaysia. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Armenakis, A. & Harris. 2002. Crafting a change message to create transformational readiness. *Journal of Organizational Change Management* 15(2): 169-183.
- Bandura A. 2000. *Cultivated Self-Efficacy for Personal And Organizational Effectiveness*. The Balckwell Handbook of Organizational Behavior. Oxford: Maiden. 120-136.
- Barnett B., Byrd A. & Wieder A. 2013. *Teacherpreneurs: Innovative Teachers Who Lead but Don't Leave*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Baron, R.M. & Kenny, D.A. 1986. The moderator-mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic and statistical considerations. *Journal of Personality and Social Psychology* 51(6): 1173-1182.
- Barjoiyai Bardai. 2000. *Keusahawanan dan Perniagaan: Bahagian 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Boyatzis, R. 1982. *The Competent Manager*. New York: John Wiley & Sons. Inc.
- Boyatzis, R. 2008. Competencies in the 21st century. *Journal of Management Development* 27(1): 5-12.
- Bunker, D. H. 2012. Teachers' orientation to teaching and their perceived readiness for 21st Century Learners. Tesis Dr Fal. Faculty of the Graduate School of The University of Texas.
- Czerniawski, G. 2011. *Emerging Teachers and Globalisation*. New York: Routledge.
- Fayolle, A. & Kyro, P. 2008. *The Dynamics Between Entrepreneurship, Environment and Education*. UK: Edward Elgar Publishing.
- Fullan, M. 2011. *Makna Baru Perubahan Pendidikan: The New Meaning of Educational Change*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad,
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J. & Anderson, R. E. 2010. *Multivariate data Analysis (7th ed.)*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Hall, G. E. & Hord, S. M. (2011). *Implementing change: Patterns, principles, and potholes* (3rd ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Hayes, A. F. 2009. Beyond Baron and Kenny: Statistical Mediation Analysis in The New Millennium. *Routledge Taylor & Francis Group* 76(4): 408-420.
- Haziah Sa'ari, Jafalizon Md Jeli, Marlia Idrus & Hafiza Adenan. 2013. Mengukur Kompetensi Keusahawanan: Penanda Aras Prestasi Inovasi Pustakawan. *Proceeding of The International Conference on Social Science Research*. ICSSR. 4-5 Jun 2013. Penang, Malaysia
- Hussein Ahmad. 2012. *Mission of Public Education in Malaysia: The Challenge of Transformation*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2010. *Pelan Strategik Institut Pendidikan Guru Malaysia 2011-2015*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. 2014. *Buku Panduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2010. *Asas Pembudayaan Keusahawanan*. Edisi ke-10. Kedah: Universiti Utara Malaysia
- Kuratko, D. F. 2010. Corporate entrepreneurship: An introduction and research review. *International Handbook Series an Entrepreneurship* 5(2): 129-163.
- McClelland, D.C. 1985. Characteristics of successful entrepreneurs. *Journal of Creative Behaviour* 21(3): 219-233.
- Mohamed Sani Ibrahim & Mohd Nizam Mohd Hamzah. 2012. *Pengurusan Perubahan Makro dalam Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Nor Aishah Buang. 2013. *Pendidikan Keusahawanan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izham B. Mohd Hamzah & Noraini Attan. 2007. Tahap kesediaan guru sains dalam penggunaan teknologi maklumat berasaskan komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Teknologi* 46(E) Jun 2007: 45-60.
- Norashidah Hashim. 2009. Kesediaan keusahawanan pelajar dan persekitaran dalaman institusi pengajian tinggi awam Malaysia dalam melaksanakan pendidikan keusahawanan. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan UKM.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman, Poo Bee Tin & Rahmah Ismail. 2012. Impak Globalisasi dan Tingkah Laku Pemilihan Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Universiti. *Prosiding Perkem Vii* 1 (2012): 435-445.
- Rosnani Jusoh & Noazali Shahak. 2011. Kesediaan guru terhadap pengajaran & pembelajaran pendidikan keusahawanan di sekolah rendah. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-Dekan Pendidikan IPTA*. 2011.
- Sufean Hussin. 2004. *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia. Teori dan Analisis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Ismail Syed Mustapa & Ahmad Subki Miskon. 2011. *Guru dan Cabaran Semasa*. (Cetakan ke-3). Selangor: Penerbitan Multimedia. Zainuddin Awang. 2015. SEM Made Simple: A Gentle Approach to Learning Structural Equation Modeling.
- Zahri Aziz. 2014. *Guru Berkualiti Penjana Pendidikan Berkualiti*. Bahagian Pendidikan Guru. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Zulfaka bin Ishak. 2013. Pemikiran Sains Keusahawanan: Kesediaan mengintegrasikan pemikiran keusahawanan dalam pengajaran sains di Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. UKM.

Rosmani Ali*
 Institut Pendidikan Guru
 Kampus Dato' Razali Ismail
 Email: rosse.alia@gmail.com

Nor Aishah Buang
 Fakulti Pendidikan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 Email: noraishah1962@gmail.com

Pengarang untuk surat-menyurat, email: rosse.alia@gmail.com

Diserahkan: 15 Ogos 2018
 Diterima: 11 Oktober 2018
 Diterbitkan: 31 Disember 2018